

KUALA LUMPUR, 22 OKT. (BERNAMA)-- PERDANA MENTERI DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD BERKATA DAKWAH YANG PALING BERKESAN IALAH PENYAMPAIAN MELALUI CONTOH TELADAN DAN TINGKAH LAKU DALAM KEHIDUPAN SEHARI-HARI.

1983

+SIFAT AMANAH, JUJUR, TAAT, BERPERIKEMANUSIAAN SUDAH TENTU DAPAT MENJELASKAN TENTANG NILAI-NILAI ISLAM, TAMBAHNYA.

BERUCAP DI MAJLIS KESYUKURAN PERKIM DI SINI MALAM INI DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA PERATURAN-PERATURAN ISLAM TIDAK MENYUSAHKAN UMAT ISLAM.

+JANGANLAH ISLAM DITAKRIF SEBAGAI RUPA BENTUK FIZIKAL YANG KONONNYA MENGGAMBARAKAN ORANG ISLAM ATAUPUN MENEKANKAN PERKARA-PERKARA KECIL TERLEBIH DAHULU.+

+ISLAM HANYA MENUNTUT AMALAN YANG TERDAYA DILAKUKAN OLEH SESEORANG ITU PADA SATU-SATU KETIKA,+ KATANYA. --LAGI 2255/MD
MENURUTNYA TERSEBARNYA ISLAM KE SETIAP PELUSUK DUNIA MERUPAKAN HASIL DAKWAH SEMUA UMAT ISLAM.

SETIAP ORANG ISLAM WAJIB MEMBIMBING MANUSIA KEPADA PERBUATAN YANG BAIK DAN MENASIHATI MEREKA SUPAYA MENJAUHI MAKIAT, KATANYA.

+TUGAS INI BUKANLAH TUGAS ORANG YANG DIGAJI UNTUK MENGAJAR AGAMA SEMATA-MATA TETAPI MENJADI TUGAS SELURUH UMAT ISLAM,+ KATANYA.

+ORANG YANG MENGANUT AGAMA ISLAM SELALUNYA KERANA MEREKA MENGETI KELEBIHAN DAN KEAGUNGANNYA DAN OLEH YANG DEMIKIAN MEREKA SENDIRI MENJADI PENYEBAR ISLAM.+

DATUK SERI DR. MAHATHIR MENAMBAH APA YANG DIWAJIBKAN OLEH ISLAM BOLEH DIAMALKAN DENGAN MUDAHNYA.+ --LAGI 2300/MD

MAHATHIR - ISLAM 3 KUALA LUMPUR

BELIAU MENGINGATKAN TENTANG NASIB BERPULUH-PULUH JUTA UMAT ISLAM DI NEGARA SOVIET UNION YANG AKAN PUPUS DALAM SATU GENERASI.

KEADAAN INI HARUS MENJADI PENGAJARAN KEPADA UMAT ISLAM TENTANG BETAPA IDEOLOGI KOMUNIS DAPAT MENGHAPUSKAN ISLAM, KATANYA.

BELIAU MERASA KESAL TERHADAP ORANG-ORANG MELAYU YANG TINGGAL BERDEKATAN DENGAN ORANG ASLI TIDAK MENUNJUKKAN BUDI PEKERTI DAN CONTOH TELADAN YANG BAIK.

INI MENYEBABKAN RAMAI ORANG ASLI YANG LANGSUNG TIDAK MAHU MENDENGAR APA-APA PENJELASAN MENGENAI AGAMA ISLAM.

PERDANA MENTERI BERKATA SESEORANG YANG MEMELUK AGAMA ISLAM MEMPUYAI PERASAAN HARGA DIRI DAN KEPERIBADIAN YANG MENGUATKAN KEIMANANNYA DAN MENARIK ORANG-ORANG LAIN MEMELUK AGAMA ISLAM. --LAGI 2307/MD

NNNN

ZCZC B659

MAHATHIR-ISLAM 4 KUALA LUMPUR

KATANYA ORANG ISLAM TIDAK PERNAH MENOLAK YANG BAIK DARI KEBUDAYAAN ORANG-ORANG LAIN SELAGI IANYA TIDAK BERCANGGAH DENGAN PRINSIP ISLAM.

+SEBUAH KERAJAAN ISLAM ATAU SEBUAH KERAJAAN YANG BERUSAHA UNTUK MEMPUK NILAI-NILAI ISLAM DALAM PENTADBIRANNYA TIDAK AKAN MENJADIKAN RAKYAT BUKAN ISLAM SEBAGAI RAKYAT KELAS DUA,+ KATANYA.

DATUK SERI DR. MAHATHIR MENGUCAPKAN TAHNIAH KEPADA PERKIM KERANA USAHANYA MEMBINA BANGUNAN SENDIRI.

BANGUNAN INI ADALAH SATU LAMBANG KEJAYAAN UNTUK DIJADIKAN CONTOH DAN PENGAJARAN KEPADAUMAT ISLAM BAHAWA USAHA ADALAH BUKTI KEJAYAAN.

TURUT HADHIR DIMAJLIS TERSEBUT IALAH, YANG DIPERTUA PERKIM, TUNKU ABDUL RAHMAN AL HAJI, KETUA MENTERI SARAWAK, DATUK APATINGGI HAJI ABDUL TAIB MAHMUD, DAN WAKIL-WAKIL PERKIM DARI SELURUH NEGARA.

--BERNAMA 2313/MD